

25/08/2003

Modenas yakin Karisma terus kuasai pasaran

MOTOSIKAL dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) yakin model skuter Karisma yang dilancarkan awal tahun ini akan terus menguasai pasaran skuter tempatan tahun ini walaupun wujud persaingan skuter import dari China.

Pengerusi DRB-Hicom Bhd dan Modenas, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata kejayaan Karisma adalah kerana ia memiliki ciri-ciri menarik yang bersesuaian dengan cita rasa peminat motosikal masa kini.

"Kami yakin Karisma akan terus berada di tempat pertama dengan sekurang-kurangnya menguasai 30 peratus pasaran skuter di Malaysia menjelang akhir tahun ini," katanya pada majlis pelancaran model baru motosikal dan skuter keluaran Modenas yang diadakan di Hotel Legend, Kuala Lumpur kelmarin.

Pada pelancaran itu, Modenas memperkenalkan tiga model barunya iaitu skuter Elit 150 cc, skuter Ceria 100 cc dan motosikal dua lejang Dinamik 120 cc.

Elit 150 cc yang berada di pasaran Sabtu lalu dijual pada harga runcit RM5,376.10, manakala baki dua model lagi akan berada di pasaran tidak lama lagi.

Pelancaran itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Saleh berkata, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, Karisma 125 cc menguasai 22 peratus pasaran skuter tempatan manakala Kriss Modenas menguasai 40 peratus pasaran motosikal di bawah 110 cc.

Secara keseluruhannya, Modenas menguasai 30 peratus pasaran motosikal dan skuter di negara ini, katanya.

Beliau berkata, banjiriran motosikal dan skuter murah dari China, sebahagiannya berharga serendah RM2,800, menyebabkan lonjakan besar jualan motosikal di Malaysia.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini jualan motosikal meningkat kepada 152,296 unit berbanding 119,664 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu, katanya.

Katanya, pasaran skuter memperlihatkan peningkatan jualan tertinggi sebanyak 39,547 unit dalam tempoh yang sama tahun ini berbanding hanya 5,368 unit tahun lalu.

Peningkatan jualan itu didorong pemansuhan polisi penggunaan komponen tempatan yang diwajibkan dan pemansuhan kawalan harga jualan.

Mohd Saleh berkata, pemansuhan itu menarik minat banyak syarikat menceburi bidang pemasangan dan pemasaran motosikal tempatan.

"Penyertaan syarikat baru menjadikan pasaran lebih berdaya saing dengan penawaran pelbagai model motosikal dan skuter," katanya.

Mengenai tiga model baru Modenas, Mohd Saleh yakin model baru itu mampu memberi sumbangan besar kepada keseluruhan jualan syarikat itu iaitu antara 2,500 hingga 3,000 unit sebulan tahun ini.